

0916

U 8365 AAB
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMULAKAN TUGAS BASHINYA SEPERTI BIASA SETELAH PULANG DARIPADA CUTI BEREHAT SELAMA TIGA HINGGU DI LUAR NEGARI, SELEPAS MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KARDIOMARI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG TIBA DI PEJABAT DAN MERAKAM KAD PERAKAM MAKTU MASUK BERTUGAS PADA PUKUL 7.34 PAGI, DISAMBUT OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK SHAFAR BABA.

ENCIK SHAFAR KEMUDIANNYA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI PERKEMBANGAN SEMASA TANAHAIR, SEMASA KETIADAAN BELIAU.

SEMASA BERCUTI REHAT DI LUAR NEGARI, PERDANA MENTERI TELAH MELAMAT LONDON, MOROCCO DAN SEPANYOL DAN SINGGAH DI LONDON SEBELUM BERLEPAS PULANG KE TANAHAIR MALAM TADI.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA DI PEJABAT BELIAU, SELEPAS BERBINCANG DENGAN ENCIK SHAFAR, PERDANA MENTERI MEMINTA SELURUH RAKYAT SUPAYA BEKERJA DENGAN LEBIH KUAT DAN BERUSAHA MENAMBAH PRODUKTIVITI DEMI MENJAMIN KEMAKHURAN NEGARA. -- LASI
1055MST 04 04 89

0918

U 8367 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT PERLU BEKERJA KUAT UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN DAN DARIPADA KEUNTUNGAN ITU KERAJAAN AKAN MEMUNGUT CUKAI UNTUK MEMERUSKAN USAHA-USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA.

MEMURUTNYA, TANPA BEKERJA KUAT RAKYAT SUKAR MENCAPAI KEJAYAAN DAN KEMAKHURAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN MELALUI HASIL CUKAI YANG DIPUNGUT DARIPADA RAKYAT DAN JIKA RAKYAT ATAU SYARIKAT PERNIAGAAN MENDAPAT KEUNTUNGAN BESAR SUDAH PASTI PEMBANGUNAN NEGARA DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH PESAT.

PERDANA MENTERI BERKATA BANYAK LASI USAHA YANG HENDAK DILAKUKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG AMAN, DAMAI DAN MAKMUR.

SEMUA USAHA YANG DILAKUKAN ITU IALAH UNTUK KEPENTINGAN DAN KEMAKHURAN RAKYAT, TAMBAH BELIAU.

KETIKA DITANYA TENTANG TUGAS-TUGAS BELIAU SELEPAS BERCUTI REHAT, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA UTAMA YANG AKAN BELIAU BERI PERHATIAN UTAMA IALAH INGIN MELIHAT UMNO DISUBUN RAPI SUPAYA DAPAT BERSERAK DENGAN LEBIH CERDAS KE ARAH MENYATUKAN ORANG MELAYU. -- LASI
1057MST 04 04 89

0919

U 8368 AAB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEKUATAN UMNO YANG MERUPAKAN TULANG BELAKANG BARISAN NASIONAL DAN KERAJAAN ADALAH PENTING DEMI MENDAMA KEMAKHURAN DAN KEAMAMAN KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERSYUKUR KEPADA ALLAH KERANA DAPAT BERTUGAS SEMULA SEPERTI BIASA SELEPAS MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KARDIOMARI DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR JANUARI LEPAS.

KATANYA, BELIAU BANYAK BERTUTANG BUDI KEPADA DOKTOR-DOKTOR DAN KADITANSAN HOSPITAL BERKENAAN YANG TELAH BEKERJA KUAT DAN BERTUNGGUS-LUMUS UNTUK MERAMAT BELIAU SEMASA BERADA DI HOSPITAL.

BELIAU JUSA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA RAKAN-RAKANNYA DAN RAKYAT YANG SENTIASA MEMODAKAN SUPAYA BELIAU CEPAT SEMBUH DAN DAPAT BERTUGAS SEMULA.

PERDANA MENTERI YANG KELIHATAN RIANG MEMULAKAN TUGASNYA DENGAN MENANDATANSANI BEBERAPA SURAT YANG TERLETAK DI ATAS MEJANYA --
BERNAMA

1059MST 04 04 89